

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**YBRS DR. ABDUL RAHIM HARUN**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH, PROGRAM PENYELIDIKAN DAN**  
**PEMBANGUNAN TEKNOLOGI**  
**[MENANGGUNG KETUA PENGARAH]**  
**UNTUK**  
**KOLOKIUUM TEKNOLOGI DAN DATA TRITI PENGHARAMAN MENYELURUH**  
**UJIAN SENJATA NUKLEAR (CTBT)**  
**BILIK SEMINAR NUKLEAR MALAYSIA, 10 FEBRUARI 2022**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

1. **YANG BERUSAHA DR. ROSLI DARMAWAN**  
Timbalan Ketua Pengarah, Program Perkhidmatan Teknikal
  
2. **YANG BERUSAHA EN. MOHD SIDEK OTHMAN**  
Pengarah Kanan Program Pengkomersilan & Perancangan Teknologi
  
3. **YANG BERUSAHA DR MUHAMMAD RAWI MOHAMED ZIN**  
Pengarah Kanan Program Pengurusan
  
4. **YANG BERUSAHA DR. FARIDAH MOHAMAD IDRIS**  
Pengarah Bahagian Perancangan dan Hubungan Antarabangsa  
Selaku Pengerusi Penganjuran Kolokium pada hari ini

Yang Dihormati

Barisan Pengarah-pengarah Bahagian,

Para Pegawai Penyelidik Nuklear Malaysia

Seterusnya yang dialu-alukan para jemputan daripada MOSTI, Jabatan-jabatan Kerajaan, Universiti dan Institusi Penyelidikan Tempatan

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, dapat kita berhimpun secara fizikal dan secara dalam talian pada pagi ini dalam Majlis Ilmu iaitu Kolokium Teknologi dan Data Triti Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear (CTBT).
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua yang hadir ke pada hari ini, sama ada secara fizikal mahu pun dalam talian, terutama kepada tetamu kita daripada MOSTI, Jabatan-jabatan Kerajaan, Universiti dan Institusi Penyelidikan Tempatan.
3. Syabas saya ucapkan kepada warga Nuklear Malaysia yang terus kekal positif dan berusaha melaksanakan tugas dan peranan masing-masing bagi menjayakan fungsi jabatan serta pelbagai aktiviti dan program yang dirancang dalam norma baru.
4. Tahniah kepada pihak penganjur iaitu Bahagian Perancangan dan Hubungan Antarabangsa, Agensi Nuklear Malaysia di atas usaha mereka bagi menganjurkan Kolokium pada hari ini.

Sidang hadirin sekalian,

5. Triti Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear atau CTBT adalah satu triti antarabangsa yang dibangunkan bagi tujuan mengharamkan semua bentuk ujian senjata nuklear di dunia.

6. Malaysia telah menandatangani Terti ini pada 23 Julai 1998, dan meratifikasinya pada 17 Januari 2008, sebagai tanda sokongan penuh negara terhadap pengharaman ujian senjata nuklear.
7. Seperti yang para hadirin sedia maklum, ujian senjata nuklear bukanlah kejadian yang berlaku secara kerap dan sudah tentunya kita pun tidak mengharapkan ia berlaku lagi selepas kali terakhir dibuat oleh Korea Utara pada tahun 2017.
8. Dengan mengambilkira situasi tersebut, disamping aktiviti pengukuhan regim verifikasi ujian senjata nuklear dan promosi terus dilaksanakan agar CTBT dikuatkuasakan di peringkat global, Suruhanjaya Persediaan CTBTO turut menggalakkan penggunaan data CTBT untuk kegunaan awam dan saintifik.
9. Saya difahamkan hari ini kita akan mendengar bagaimana data CTBT boleh digunakan dalam kajian saintifik dan penyelidikan awam. Antara contoh terkini penggunaan data CTBT adalah bagi tujuan pemantauan terhadap letusan gunung berapi dasar laut di Tonga, dimana ia mencetuskan gelombang tsunami di sekitar Pasifik. Malah, imej satelit menunjukkan letusan gunung berapi Hunga Tonga-Hunga Ha'apai yang berlaku pada 15 Januari 2022 telah memuntahkan asap dan abu ke udara, dengan bunyi letusan kedengaran sehingga 10,000 kilometer (km) jauhnya hingga ke Alaska.
10. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar data CTBT ini akan dimanfaatkan sebaiknya oleh komuniti penyelidik dan saintis di Malaysia kerana teknologi dan data CTBT merupakan salah satu cabang ilmu berteknologi tinggi yang boleh dimanfaatkan untuk pelbagai kegunaan saintifik dalam menangani isu berkaitan bencana alam, perubahan iklim, dan sebagainya.

11. Disamping itu, Nuklear Malaysia khususnya sebagai Pihak Berkuasa Kebangsaan bagi pelaksanaan CTBT di Malaysia, dan satu-satunya agensi penyelidikan kebangsaan dalam bidang sains dan teknologi nuklear, perlulah sentiasa meningkatkan kepakaran dan pengetahuan kita ke satu lagi tahap iaitu dengan terlibat secara aktif dalam bidang sains dan teknologi berkaitan CTBT, terutama yang berkaitan teknologi radionuklid.
12. Saya juga berharap kita dapat melahirkan lebih ramai penganalisa data CTBT, bagi memperkukuh peranan dan fungsi agensi sebagai Pihak Berkuasa Kebangsaan bagi pelaksanaan CTBT di Malaysia.
13. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengajak rakan-rakan penyelidik dan saintis daripada Universiti dan Institusi Penyelidikan Tempatan untuk turut mengambil peluang ini dengan memanfaatkan teknologi dan data CTBT didalam penyelidikan Dr/Tuan/Puan. Pihak kami sangat mengalu-alukan sekiranya terdapat cadangan kerjasama diantara universiti dan institusi Dr/Tuan/Puan dengan Nuklear Malaysia dalam bidang sains dan teknologi CTBT.
14. Akhir kata, saya mengucapkan selamat berkolokium dan berharap kolokium ini akan mencapai objektifnya. Saya berharap semua hadirin dapat menunjukkan penyertaan yang aktif dalam Kolokium ini kerana CTBT adalah satu bidang sains yang berteknologi tinggi yang seharusnya perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh penyelidik dan saintis tempatan bagi kemajuan dan kesejahteraan negara.
15. Oleh itu, dengan lafaz Bismillah, saya merasmikan Kolokium Teknologi dan Data Triti Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear (CTBT) pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillah hi taufik Wal Hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.